



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 12 FEBRUARI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 12 Februari 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **3,505 kes** (205,774 kes kumulatif, 79.7%);
- Kes baharu : **3,318 kes** (258,306 kes kumulatif);
- Kes import : **7 kes** (3 warganegara; 4 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **3,311 kes** [1,673 warganegara (50.5%); 1,638 bukan warganegara (49.5%)];
- Kes aktif : **51,579 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **258 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **119 kes**; dan
- Kes kematian : **17 kes** (953 kes kumulatif , 0.37%)

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **1,214 kes (36.6 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **856 kes (70.5 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Johor sebanyak **742 kes (22.4 peratus)** dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **374 kes (11.3 peratus)**.

Sebanyak **37 kes (1.1 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara dan depot tahan imigresen yang membabitkan Kluster Tembok Sungai Udang (15 kes), Kluster Tembok Bendera (10 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (5 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (2 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (1 kes), Kluster Tembok Mempaga (1 kes), Tembok Bukit Besi (1 kes), Kluster Tembok Taiping (1 kes), dan Kluster DTI Sepang 2 (1 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan enam (6) kes di Selangor, masing-masing dua (2) kes di Sabah, WP Kuala Lumpur dan Sarawak, serta satu (1) kes di Perak, Melaka, Kelantan, Pahang dan Johor. Kes-kes kematian melibatkan 16 warganegara dan satu (1) bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 12 Februari 2021;

- Jumlah kluster : **962 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **14 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **478 kluster** (termasuk **tujuh (7)** kluster yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Batu 39, Kluster Palut, Kluster Cergas, Kluster Tapak Bina Damai, Kluster Lingkaran Lintang, Kluster Ladang Matamba, dan Kluster Rengit Sentral**);
- Jumlah kluster aktif : **484 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **83 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Jalan Seelong (326 kes), Kluster Tanjung Suria (258 kes), dan Kluster Selambau (136 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **14 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini, yang melibatkan 13 kluster berkaitan tempat kerja dan satu (1) kluster komuniti.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Jalan Seelong	Johor	Tempat Kerja
2	Jalan Perindustrian Elektronik	Johor	Tempat Kerja
3	Jalan Besar Pontian	Johor	Tempat Kerja
4	Ladang Pekan	Johor	Tempat Kerja
5	Perindustrian Pelepas	Johor	Tempat Kerja
6	Jalan Jelapang	Perak	Tempat Kerja
7	Jalan Perusahaan Tiga	Perak	Tempat Kerja
8	Tapak Bina Damar	Selangor	Tempat Kerja
9	Taman Industri	Selangor	Tempat Kerja
10	Tapak Bina Pantai Dalam	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
11	Selambau	Kedah	Tempat Kerja
12	Teknologi Berendam	Melaka	Tempat Kerja
13	Pangkal Changgong	Kelantan	Tempat Kerja
14	Kampung Teluk	Perak	Komuniti

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

12 Februari 2021 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 12 FEBRUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	1,214 (1)	84,495
SABAH	118	51,115
WP KUALA LUMPUR	374 (5)	31,157
JOHOR	742 (1)	29,543
NEGERI SEMBILAN	118	12,961
PULAU PINANG	149	9,621
PERAK	99	7,187
KEDAH	188	6,825
SARAWAK	83	6,273
MELAKA	45	5,581
KELANTAN	79	3,867
PAHANG	30	3,503
TERENGGANU	72	2,774
WP LABUAN	1	2,222
WP PUTRAJAYA	6	990
PERLIS	0	192
JUMLAH KESELURUHAN	3,318 (7)	258,306

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Kes positif 3,318 kes COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 12 Februari 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 1,214 kes**

- 489 kes daripada kluster-kluster; termasuk 78 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Damar dan Kluster Taman Industri**;
- 367 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 357 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 742 kes**

- 523 kes daripada kluster-kluster, termasuk 378 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Seelong, Kluster Jalan Perindustrian Elektronik, Kluster Jalan Besar Pontian, Kluster Perindustrian Pelepas, dan Kluster Ladang Pekan**;
- 105 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 113 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 374 kes**
 - 152 kes daripada kluster-kluster, termasuk 84 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Pantai Dalam**;
 - 106 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Lima (5) kes import dari luar negara; dan
 - 111 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 188 kes**
 - 156 kes daripada kluster-kluster, termasuk 136 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Selambau**;
 - 16 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 16 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 149 kes**
 - 72 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 28 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 49 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 118 kes**
 - 13 kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 75 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 30 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 118 kes**
 - Lima (5) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 20 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 93 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 99 kes**
 - 55 kes daripada kluster-kluster, termasuk 25 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Jelapang, Kluster Jalan Perusahaan Tiga, dan Kluster Kampung Teluk;**
 - 14 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 30 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 83 kes**
 - 16 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 15 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 52 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 79 kes**
 - 19 kes daripada kluster-kluster, termasuk 13 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Pangkal Changgong**;
 - 30 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 30 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 72 kes**
 - Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 56 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 45 kes**
 - 20 kes daripada kluster-kluster, termasuk tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Teknologi Berendam**;
 - 11 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 14 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 30 kes**
 - 12 kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 11 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Enam (6) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Damar**;
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.

LAMPIRAN 3

Ringkasan 17 kes kematian pada 12 Februari 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
937	177388	Selangor	Lelaki (WN)	60	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi, buah pinggang kronik, dan gout
938	190573	Selangor	Lelaki (WN)	85	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi
939	193606	Perak	Perempuan (WN)	78	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	Tuberkulosis
940	210131	Selangor	Lelaki (WN)	68	Hospital Kuala Lumpur	-
941	226690	Melaka	Lelaki (WN)	84	Hospital Melaka	Penyakit darah tinggi, jantung, dan limfoma
942	232850	Sabah	Lelaki (WN)	91	Hospital Lahad Datu	Penyakit jantung dan kanser usus
943	234491	Sarawak	Perempuan (WN)	67	Hospital Sibul	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
944	238592	Kelantan	Lelaki (WN)	64	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Penyakit darah tinggi, buah pinggang kronik, dan gout
945	240215	Selangor	Perempuan (WN)	97	Hospital Shah Alam	Penyakit darah tinggi

946	243813	Sabah	Lelaki (WN)	80	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, buah pinggang kronik, dan strok
947	246829	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	85	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan strok
948	248262	Pahang	Perempuan (WN)	62	Jenazah dibawa ke Hospital Raub	Penyakit darah tinggi dan asma
949	250975	Johor	Lelaki (WN)	66	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Penyakit paru-paru kronik
950	251420	Sarawak	Perempuan (WN)	79	Hospital Bintulu	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
951	252013	Selangor	Lelaki (WN)	54	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, dan fibrosis paru-paru
952	253150	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	63	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit paru-paru kronik
953	243461	Selangor	Lelaki (BWN)	59	Hospital Selayang	Penyakit darah tinggi dan strok

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

Perincian 14 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER JALAN SEELONG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 8 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah syarikat yang terletak di Jalan Seelong, Senai, Kulai. Sehingga 12 Februari 2021, sejumlah 568 individu telah disaring, di mana **327 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER JALAN PERINDUSTRIAN ELEKTRONIK

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai, Kota Tinggi, Pontian, dan Muar di Johor. Kes-kes dalam kluster dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 10 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Kawasan Perindustrian Senai, Kulai. Sehingga 12 Februari 2021, sejumlah 2,190 individu telah disaring, di mana **25 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER JALAN BESAR PONTIAN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Batu Pahat dan Pontian di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-221817) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 2 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Pontian, Pontian Besar, Pontian. Sehingga 12 Februari 2021, sejumlah 102 individu telah disaring, di mana **64 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER LADANG PEKAN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kluang di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-244423) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 8 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah ladang yang terletak di Ladang Pekan, Layang- Layang, Kluang dan juga kontak rapat kepada kes indeks. Sehingga 12 Februari 2021, sejumlah 31 individu telah disaring, di mana **18 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER PERINDUSTRIAN PELEPAS

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru, Kluang, Kota Tinggi, Mersing, Kulai, dan Muar di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-193139) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 27 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Kawasan Zon Perindustrian Bebas, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah, Johor Bahru. Sehingga 12 Februari 2021, sejumlah 506 individu telah disaring, di mana **32 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER JALAN JELAPANG

Kluster pusat tahanan ini melibatkan daerah Kinta dan Kuala Kangsar di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-179533) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 23 Januari 2021 sebagai kes *Influenza-Like Illness*. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Jelapang, Kawasan Perindustrian Taman Meru, Ipoh. Sehingga 12 Februari 2021, sejumlah 818 individu telah disaring, di mana **24 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER JALAN PERUSAHAAN TIGA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Larut, Matang, dan Selama serta Kerian di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-218759) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 1 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Perusahaan Tiga, Kamunting, Larut, Matang, dan Selama. Sehingga 12 Februari 2021, sejumlah 26 individu telah disaring, di mana **21 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER KAMPUNG TELUK

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Manjung di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-234255) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 5 Februari 2021 hasil saringan di tempat kerja. Nama kluster merujuk kepada lokaliti penularan kes-kes yang berlaku iaitu di Kampung Teluk, Ayer Tawar, Manjung. Sehingga 12 Februari 2021, sejumlah 43 individu telah disaring, di mana **21 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER TAPAK BINA DAMAR

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Sepang di Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 12 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja tapak bina yang menetap di Kampung Bukit Damar, Dengkil, Sepang. Sehingga 12 Februari 2021, sejumlah 701 individu telah disaring, di mana **64 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

10. KLUSTER TAMAN INDUSTRI

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling dan Kuala Selangor di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 12 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Taman Industri Sungai Buloh. Sehingga 12 Februari 2021, sejumlah 278 individu telah disaring, di mana **16 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

11. KLUSTER TAPAK BINA PANTAI DALAM

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Lembah Pantai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 12 Februari 2021 hasil

saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah tapak bina yang terletak di Pantai Dalam, Lembah Pantai. Sehingga 12 Februari 2021, sejumlah 265 individu telah disaring, di mana **94 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

12. KLUSTER SELAMBAU

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Muda di Kedah. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 12 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja kilang yang menetap di Bukit Selambau, Mukim Teloi Kiri, Kuala Muda. Sehingga 12 Februari 2021, sejumlah 247 individu telah disaring, di mana **136 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

13. KLUSTER TEKNOLOGI BERENDAM

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Melaka Tengah, Jasin, dan Alor Gajah di Melaka; Tampin di Negeri Sembilan; Sepang di Selangor serta Tangkak di Johor. Kes- kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 12 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Zon Perdagangan Bebas, Batu Berendam, Melaka Tengah. Sehingga 12 Februari 2021, sejumlah 1,241 individu

telah disaring, di mana **41 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

14. KLUSTER PANGKAL CHANGGONG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Machang, Pasir Puteh, dan Tanah Merah di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-251555) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 10 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah pusat pengajian yang terletak di Kampung Pangkal Changgong, Jalan Tanah Merah Lama, Machang. Sehingga 12 Februari 2021, sejumlah 57 individu telah disaring, di mana **14 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.